

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING - BN]**

TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 42)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan pembangunan Kementerian dalam meningkatkan taraf kualiti sukan terutamanya di kawasan luar bandar khususnya bagi rakyat di Baling.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang, merangka dan melaksanakan pelbagai program sukan tidak kira sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Program-program yang dilaksanakan di luar bandar sentiasa konsisten dan bersesuaian dengan kehendak belia setempat. Kementerian juga telah merangka dan melaksana pelbagai program berbentuk sukan komuniti, sukan teras dan sukan integrasi mengikut kesesuaian masa dan tempat pelaksanaan. Kesemua program ini mampu memberikan satu platform dan ruang kepada belia dan beliawanis di luar bandar atau desa melibatkan diri dalam aktiviti sukan untuk semua di peringkat akar umbi.
2. Sebagai makluman, pihak kementerian telah membina sebuah Kompleks Rakan Muda yang lengkap dengan pelbagai kemudahan sukan seperti gimnasium, gelanggang tenis, gelanggang *extreme* mini dan lain-lain serta 10 buah Gelanggang Futsal 1Malaysia di sekitar daerah Baling.
3. Sebanyak 289 program sukan telah dirancang untuk dilaksanakan di negeri Kedah pada tahun 2015 dengan sasaran penyertaan 33,820 orang peserta. Program-program ini meliputi program sukan kecergasan, sukan permotoran, sukan rekreasi dan pembangunan sukan OKU. Antara program-program yang akan dilaksanakan di daerah Baling bagi tahun 2015 ialah KBS Cup 2015 (Bola Sepak 9 Sebelah), Program Pembangunan Sukan Baru

SULIT

birdieball, Program Komuniti Fit Malaysia sebanyak 16 sesi dari bulan Februari ke November, Kejohanan KBS *Motorcross Challenge* 2015, Program Pembangunan Sukan Akar Umbi (OKU) dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 43

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2015)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 6 APRIL 2015

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan Pusat Percetakan Al-Quran di Putrajaya yang dikatakan kedua terbesar di dunia.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Pusat Percetakan Al-Quran dinamakan sebagai "**Nasyrul Quran**". Projek ini akan bermula pada akhir bulan April 2015 dan dijangka siap dalam masa dua tahun. Ia akan dibina di atas tanah seluas 5 ekar di Presint 14, Putrajaya yang disediakan oleh Perbadanan Putrajaya.

Dimaklumkan juga bahawa sekretariat kepada penubuhan "**Nasyrul Quran**" ini adalah Yayasan Restu dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (JAKIM), Kementerian Kewangan Malaysia, Perbadanan Putrajaya, Kementerian Dalam Negeri dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Sekian, terima kasih.